

**Parlimen: Kadar Inflasi Sabah Tahun Ini Lebih Tinggi Daripada Purata Nasional
Bernama
16 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Kadar inflasi di Sabah pada tempoh Januari hingga Ogos tahun ini mencatatkan kadar sedikit tinggi iaitu 2.0 peratus berbanding purata nasional 1.8 peratus.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk S. K. Devamany berkata sepanjang tahun lepas kadar inflasi di negeri itu adalah lebih rendah iaitu 2.9 peratus berbanding kadar inflasi nasional 3.2 peratus.

"Antara barangan dan perkhidmatan yang mencatatkan peningkatan lebih tinggi berbanding purata nasional ialah makanan dan minuman bukan alkohol, rekreasi, kebudayaan, hotel, restoran, barang hiasan, penyelenggaraan isi rumah dan perkakasan.

"Terdapat juga bahan makanan seperti daging, susu, telur, gula, jem, madu, coklat dan manisan serta keluaran makanan lain yang mencatatkan kadar kenaikan lebih tinggi berbanding purata nasional," katanya menjawab soalan Datuk Chua Soon Bui (Bebas-Tawau) di Dewan Rakyat pada Selasa.

Chua ingin tahu apakah tindakan yang diambil kementerian dan pihak berkuasa berkaitan untuk menangani masalah kadar insflasi yang sedang dihadapi rakyat di Sabah.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=702298>